

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MEI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1108421/kontrak-industri-pembersihan-akan-dinilai-ikut-prestasi>

Kontrak industri pembersihan akan dinilai ikut prestasi



PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju untuk menstruktur semula kontrak dalam industri pembersihan dan pencucian daripada kaedah kontrak berdasarkan bilangan pekerja kepada kontrak berdasarkan prestasi, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan kontrak berdasarkan prestasi, kontraktor harus mematuhi kriteria tertentu.

Jelasnya, ia merangkumi pelan peningkatan produktiviti, inovasi, dan teknologi, di samping kriteria operasi, harga, kualiti, dan rekod kerja.

Katanya, kontraktor juga akan dinilai mengikut markah bulanan dan akan dibayar mengikut prestasi yang dicapai.

"Pelaksanaan ini mampu mengubah industri pembersihan dan pencucian daripada industri yang intensif buruh dan berkemahiran rendah kepada industri yang berkemahiran tinggi dan berasaskan teknologi.

"Ini juga akan memberi impak kepada struktur ekonomi dengan memajukan industri ke rantai nilai yang lebih tinggi, di samping menarik pekerja tempatan kembali ke sektor ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) di sini, hari ini.

Rafizi berkata, kerajaan akan memulakan dengan pelaksanaan rintis dengan kaedah baharu itu di tempat yang berimpak besar, sebelum melaksanakannya di seluruh negara.

Beliau berkata, kementeriannya akan bekerjasama dengan pemegang taruh lain dan dimudahcara oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk uji kaedah itu di tempat tertentu.

Katanya, Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan beberapa syarikat atau agensi supaya tender mereka itu mula menggunakan kontrak berdasarkan prestasi.

"Di ekonomi lain sudah guna kaedah apabila industri pencucian masuk tender, mereka dinilai berdasarkan prestasi.

"Kita akan menguji kaedah ini di tempat tertentu (terlebih dulu). Kementerian Ekonomi akan bekerjasama dengan beberapa syarikat atau agensi supaya tender mereka itu menggunakan (penilaian) berasaskan prestasi.

"Ini akan membantu industri pembersihan dan pencucian di negara ini untuk mula beralih kepada pelaburan yang membabitkan kelengkapan dan kurang menggunakan pekerja asing," katanya.